



Agenzi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

*Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future*

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)

[www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my)

OFFICIAL : Agenzi Kelayakan Malaysia (MQA)

MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

MQA\_Malaysia



NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : M QA.100-1/7/2 Jilid 2 (5)

Tarikh : 14 Februari 2018

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**


Tuan/Puan,

**SURAT MAKLUMAN M QA BIL. 2/2018**

**PENGGANTIAN LATIHAN INDUSTRI (LI) DENGAN KOMPONEN LAIN KURIKULUM  
BAGI PELAJAR SEPARUH MASA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Tinggi-Agenzi Kelayakan Malaysia (KPT-MQA) Bil. 3/2017 bertarikh 25 November 2017.

2. Penetapan Latihan Industri (LI) sebagai komponen wajib bagi tujuan pengijazahan beberapa bidang pengajian dengan jelas dinyatakan dalam Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi yang dibangunkan oleh KPT pada tahun 2010.
3. Selain itu, LI juga merupakan sebahagian daripada komponen kurikulum yang diwajibkan dalam kebanyakan Standard Program yang dibangunkan oleh M QA.
4. Memandangkan ketetapan LI semasa bersifat umum tanpa mengambil kira status pelajar, maka keadaan ini menyebabkankekangan bagi pelajar separuh masa untuk memenuhi keperluan tersebut.
5. Justeru, pihak M QA menyediakan panduan kepada PPT seperti dalam Lampiran 1 bagi menjelaskan tentang penggantian LI dengan komponen lain pembelajaran mengambil kira kekangan pekerjaan bagi pelajar separuh masa.



6. Pihak MQA berharap agar PPT mengambil perhatian yang sewajarnya supaya urusan berkaitan LI dapat diuruskan dengan cekap bagi menjamin kelancaran pengendalian program pengajian.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang ikhlas,

*Rahmah*.

(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**

|  |  |                                     |
|--|--|-------------------------------------|
| <b>UTM</b><br>Pejabat<br>Naib Canselor |  |                                     |
| Edaran untuk tindakan :                |  |                                     |
| <input checked="" type="checkbox"/>    | TNC (Akademik & Antarabangsa)              | Pro Naib Canselor<br>(Antarabangsa) |
|  | TNC (Penyelidikan & Inovasi)               | Pengarah Kanan UTM QRIM             |
|  | TNC (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)         | Pengarah Kerja                      |
|  | TNC (Pembangunan)                          | Pengarah CICT                       |
|  | Pendaftar                                  | Pegawai Undang-Undang               |
|  | Pengarah HEK                               | Pegawai Khas NC                     |
|  | Bendahari                                  | PPK-Pn Hazila Rahmat                |
|  | Ketua Pustakawan                           | PP-Cik Ardawati Adnan               |
|  | Pro Naib Canselor (UTMKL)                  | Setiausaha Khas NC                  |
|  | Pro Naib Canselor<br>(Pengurusan Strategi) | Dekan                               |
| Catatan:                               |  |                                     |
| Tandatangan :                          |  | Tarikh : <b>18/3/18</b>             |

## PENGGANTIAN LATIHAN INDUSTRI DENGAN KOMPONEN LAIN KURIKULUM BAGI PELAJAR SEPARUH MASA

---

### 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 **Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi** yang dibangunkan oleh KPT pada tahun 2010 menetapkan bahawa Latihan Industri (LI) merupakan satu program latihan yang wajib bagi tujuan pengijazahan bagi bidang pengajian seperti berikut:
- a) Program profesional yang dikawal selia oleh badan profesional yang menganugerahkan akreditasi. Antaranya adalah:
    - i. Kejuruteraan;
    - ii. Seni Bina;
    - iii. Ukur Bahan;
    - iv. Penilaian;
    - v. Perakaunan; dan
    - vi. Undang-Undang.
  - b) Program pengajian yang mewajibkan latihan klinikal mengikut keperluan badan profesional yang menganugerahkan akreditasi. Antaranya adalah:
    - i. Perubatan;
    - ii. Farmasi;
    - iii. Pergigian; dan
    - iv. Kejururawatan.
  - c) Program pengajian bidang pendidikan – latihan mengajar/praktikum.
- 1.2 Selain itu, beberapa **standard program** yang dibangunkan oleh MQA juga mewajibkan LI sebagai salah satu daripada komponen kurikulum. Antaranya adalah:
- a) Standard Program: Perakaunan;
  - b) Standard Program: Hospitaliti dan Pelancongan;
  - c) Standard Program: Pengajian Media dan Komunikasi;
  - d) Standard Program: Bioteknologi;
  - e) Standard Program: Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan;
  - f) Standard Program: Multimedia Kreatif;
  - g) Standard Program: Ukur Bangunan;
  - h) Standard Program: Perubatan Tradisional dan Komplimentari;
  - i) Standard Program: Sains Maklumat;

- j) Standard Program: Komputeran; dan
  - k) Standard Program: Sains Perubatan dan Kesihatan.
- 1.3 Penetapan keperluan LI di atas tidak mengambil kira status pelajar sama ada sepenuh masa atau separuh masa. Ini bermakna, ketetapan tersebut turut terpakai bagi pelajar separuh masa.
- 1.4 Walau bagaimanapun, terdapat kekangan bagi pelajar separuh masa untuk mengikuti LI seperti yang ditetapkan dalam komponen kurikulum kerana kekangan pekerjaan sedia ada pelajar.

## 2.0 PENGGANTIAN LI

- 2.1. Bagi Standard Program yang menetapkan keperluan LI, pelajar separuh masa boleh dikecualikan daripada menjalani LI berdasarkan ketetapan berikut:

| Bil. | Kategori   | Ketetapan Penggantian LI  |
|------|--|---|
| 1.   | Pelajar separuh masa yang sedang bekerja sekurang-kurangnya selama 5 tahun dalam <b>bidang yang sama</b> dengan bidang program yang diikuti dan terbukti mempunyai tahap kepakaran atau kemahiran yang setara dengan LI yang dijalankan. | <p><u>Pilihan 1</u></p> <p>Pelajar <b>menjalani LI di tempat kerja semasa</b>.</p> <p><u>Pilihan 2</u></p> <p>Pelajar boleh <b>menggantikan LI dengan Projek</b> yang mana hasil pembelajaran, mekanisme, kriteria dan keperluan-keperluan lain adalah setara dengan LI. Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) boleh menambah komponen Projek selain LI dalam kurikulum program sebagai pilihan kepada pelajar.</p> <p>Sekiranya Projek telah ditawarkan dalam kurikulum semasa, pelajar boleh <b>menggantikan LI dengan kombinasi kursus elektif</b> yang berkaitan dengan bidang pengajian.</p> |
| 2.   | <b>Program badan profesional</b>   | Ketetapan adalah tertakluk kepada badan profesional yang berkaitan.   |

- 2.2 Penawaran Projek atau pengambilan kombinasi kursus elektif ini hendaklah mempunyai **nilai kredit yang sama** dengan LI.
- 2.3 Pelajar separuh masa yang sedang bekerja dalam **bidang yang berbeza** dengan bidang program yang diikuti **tidak boleh dikecualikan** daripada mengikuti LI kerana dikhawatirkan akan berlaku kurang apresiasi terhadap ilmu dan pengalaman yang bakal diperoleh melalui LI.